Gabriel Attal dilantik Perdana Menteri termuda Perancis

Januari 9, 2024 @ 10:25pm



Attal berucap pada majlis serah terima tugas untuk jawatan Perdana Menteri Perancis di Paris, hari ini. - FOTO REUTERS

PARIS: Presiden Perancis, Emmanuel Macron, hari ini melantik Menteri Pendidikan, Gabriel Attal, sebagai Perdana Menteri baharu dalam Kabinet beliau.

Ia sekali gus menyaksikan Attal, 34, muncul sebagai Perdana Menteri termuda dalam sejarah Perancis, dan yang pertama mengisytiharkan diri adalah gay secara terbuka.

Attal yang merupakan sekutu rapat Macron dan menjadi jurucakap kerajaan ketika pandemik COVID-19, dilantik menggantikan Elisabeth Borne.

Attal bukan saja disenaraikan antara ahli politik paling popular di Perancis berdasarkan tinjauan pendapat, baru-baru ini, malah juga berjaya menampilkan dirinya sebagai seorang menteri yang bijak, selain menonjol dalam rancangan radio serta pada sidang Parlimen.

"@GabrielAttal, saya tahu saya boleh mengharapkan tenaga serta komitmen anda untuk melaksanakan projek pemulihan dan penjanaan semula yang saya umumkan," kata Macron dalam hantaran melalui X.

Akhir tahun lalu, Macron dilaporkan berkata beliau akan mengumumkan inisiatif politik baharu.

Selepas berhari-hari spekulasi berlegar, Macron semalam menerima peletakan jawatan Borne, 62.

Kabinet Perancis dijangka mengalami rombakan lebih meluas, minggu ini, dalam usaha Macron untuk memantapkan pasukannya ketika masih berbaki tiga tahun penggal pentadbiran beliau.

"Presiden melantik Gabriel Attal sebagai Perdana Menteri, dan mempertanggungjawabkan beliau dengan tugas membentuk kerajaan," menurut satu kenyataan presiden.

Macron bergelut dengan tekanan yang semakin mencabar di Parlimen sejak kehilangan majoriti mutlak tidak lama selepas dipilih semula pada 2022.

Pemimpin pembangkang bagaimanapun tidak menyandarkan jangkaan besar terhadap pelantikan Perdana Menteri baharu itu, tambahan pula rata-rata keputusan dikatakan dibuat oleh Macron sendiri.

"Elisabeth Borne, Gabriel Attal atau orang lain, saya tidak peduli, ia hanya akan kekal dengan dasar yang sama," kata pemimpin Parti Sosiolis, Olivier Faure, kepada stesen radio France Inter.

Ahli Parlimen, Patrick Vignal daripada Parti Renaissance pimpinan Macron, pula menyifatkan Attal 'ada sedikit seperti Macron pada 2017' - merujuk kepada detik Macron menjadi Presiden termuda dalam sejarah moden Perancis ketika popular dalam kalangan pengundi. - AGENSI